



Neraka diliputi dengan syahwat, dan syurga diliputi dengan perkara-perkara yang dibenci

Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه, bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:
"Neraka diliputi dengan syahwat, dan syurga diliputi dengan perkara-perkara yang dibenci."

[صحيح] [رواه البخاري]

Nabi ﷺ menjelaskan bahawa neraka dikelilingi oleh perkara-perkara yang diinginkan oleh hawa nafsu seperti melakukan perkara-perkara haram atau memandang ringan terhadap kewajipan; Maka sesiapa yang mengikuti hawa nafsunya dalam hal itu, maka dia layak memasuki neraka, Dan bahawa syurga itu dikelilingi oleh perkara-perkara yang dibenci oleh diri; seperti berterusan melakukan perkara-perkara yang diperintahkan, meninggalkan perkara yang haram, dan bersabar atasnya. Maka apabila seseorang itu menempuhinya dan berjihad melawan dirinya untuk melakukannya, dia berhak masuk ke syurga.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/3702>

